

## Deposit Jangka Pendek (STP)

### Terma dan Syarat

Dikemaskini pada 15 November 2022

#### 1. Definisi

Dalam Terma dan Syarat ini, istilah dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai pengertian yang ditetapkan untuknya melainkan konteks menghendaki sebaliknya:

“**Akta Pencegah Rasuah**” merujuk kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 seperti yang dipinda dari semasa ke semasa, dan peraturan yang diterbitkan dibawahnya dan mana-mana undang-undang, statut, peraturan, aturan dan perintah yang dikait dengan penyogokan atau rasuah.

“**CASA Khusus**” merujuk kepada Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan Pelanggan dengan HLBB dan hanya dibuka atas nama Pelanggan sahaja.

“**Dasar Pemberian Maklumat HLBB**” merujuk kepada dasar HLBB yang berkaitan dengan pemberian maklumat, menggariskan iltizam HLBB terhadap etika dan integriti perniagaan yang baik, dan sehubungan ini pekerja-pekerja HLBB, serta juga orang-orang yang memberi perkhidmatan kepada, atau mempunyai hubungan perniagaan dengan HLBB, adalah dikehendaki menyuarakan keperihatinan terhadap sebarang salah laku atau perbuatan salah yang boleh memberi kesan buruk kepada HLBB.

“**Dealer Berlesen**” merujuk kepada dealer berlesen di Pasaran Global HLBB yang memiliki kelayakan penuh Sijil Pasaran Kewangangan Malaysia (PKMC), satu keperluan professional yang ditubuhkan oleh ACI-Financial Markets Association of Malaysia (ACI-FMAM) untuk dealer and broker yang berkerja dalam institusi kewangan yang berlesen dan firma pembrokeran wang.

“**Deposit Jangka Pendek**” atau “**STP**” merujuk kepada deposit berfaedah yang diletak oleh Pelanggan dengan Pasaran Global HLBB untuk tarikh matang yang telah ditetapkan dan amaun pokok bersama faedah dibayar kepada Pelanggan pada Tarikh Matang.

“**HLBB**” merujuk kepada Hong Leong Bank Berhad dan termasuk cawangan-cawangannya dan pengganti hak miliknya dan pemegang serah hak.

“**Hari Perniagaan**” merujuk kepada hari di mana HLBB menjalankan transaksi perniagaan di Kuala Lumpur (kecuali Sabtu dan Ahad) dan hari apabila transaksi yang jenisnya dicadang bagi Penempatan Deposit dijalankan.

“**HLBB Global Markets**” merujuk kepada Pasaran Global HLBB.

“**KYC**” merujuk kepada Know-Your-Customer, satu proses pengenalan dan verifikasi pelanggan sebelum menjalankan sebarang transaksi.

“**MYR**” merujuk Ringgit Malaysia.

“**Notis Privasi**” merujuk kepada dasar dan prinsip HLBB berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti yang sedia ada dan prospektif (bakal) yang berurusan dengan HLBB seperti mana yang dipinda dari semasa ke semasa dan boleh disemak di laman HLBB.

“**Penyataan Polisi ABC**” merujuk kepada Dasar Antisogokan dan Rasuah HLBG yang boleh dibaca di laman web [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)

“**Pelanggan Cawangan**” merujuk kepada pelanggan yang megekalkan CASA Khusus dengan mana mana cawangan HLBB.

“**Pelanggan**” merujuk kepada Pelanggan Cawangan atau Pelanggan Bukan Cawangan mengikut konteks yang mungkin diperlukan.

“**Pelanggan Bukan Cawangan**” merujuk kepada pelanggan yang tidak mengekalkan CASA Khusus dengan mana-mana cawangan HLBB.

“**Penempatan Deposit**” merujuk kepada tunai atau deposit cek, dalam MYR atau mata wang asing yang diletakkan oleh Pelanggan dengan HLBB untuk STP. Penempatan dengan deposit cek akan bermula atau berkuat kuasa selepas pelepasan cek dan penerimaan dana dalam CASA Khusus Pelanggan.

“**RENTAS**” merujuk kepada Real Time Electronics Transfer of Funds and Securities.

“**Tarikh Matang**” merujuk kepada tarikh atau tempoh luput bagi kontrak STP yang dinyatakan dalam slip / penyata transaksi STP.

“**Terma & Syarat**” merujuk kepada terma dan syarat yang tertera dalam dokumen ini dan meliputi sebarang pemindaan, perubahan dan tambahan yang dipinda dari semasa ke semasa oleh HLBB setelah memberi notis awal.

## 2. Umum

- 2.1 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan **Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Perbankan** dan terma dan syarat lain yang dikuatkuasa oleh HLBB dari semasa ke semasa dengan sekurang-kurang dua puluh satu (21) hari notis awal serta mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan seperti yang mungkin dipinda oleh HLBB (“secara kolektif atau keseluruhannya yang dirujuk sebagai “**Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Perbankan**””. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan **Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Perbankan**, Terma dan Syarat ini akan diguna dan sebagai muktamad.
- 2.2 Pelanggan Cawangan hendaklah mempunyai CASA Khusus yang aktif pada masa Penempatan Deposit.
- 2.3 Pelanggan Bukan Cawangan hendaklah (i) memindah dana ke akaun HLBB MYR RENTAS bagi tujuan Penempatan Deposit, (ii) KYC diluluskan oleh HLBB dan (iii) mempunyai satu akaun bank yang sah dengan institusi kewangan yang lain dan hanya dikekalkan atas nama Pelanggan Bukan Cawangan (“**Akaun Bukan HLBB**”) pada masa Penempatan Deposit.
- 2.4 Pemegang akaun CASA Khusus atau Pelanggan Bukan Cawangan mesti melaksanakan Penempatan Deposit atas pihak sendiri. Sebarang transaksi debit atau kredit berkenaan dengan STP akan ditransaksikan melalui CASA Khusus atau akaun atas nama pihak sendiri untuk Pelanggan Bukan Cawangan.

- 2.5 Pelanggan perlu memastikan bahawa CASA Khusus atau Akaun Bukan HLBB (dengan institusi kewangan lain) hendaklah sentiasa beroperasi aktif pada setiap masa untuk tujuan penempatan deposit atau kredit pokok dan faedah pada tarikh matang atau pengeluaran sebelum tarikh matang (seperti yang tertakluk pada Klausula 7.2 Terma dan Syarat ini).
- 2.6 Sebarang Penempatan Deposit dibawah Terma dan Syarat ini hendaklah dalam MYR atau matawang asing yang diluluskan dengan jumlah minimum yang ditetapkan oleh Pasaran Global HLBB dari semasa ke semasa. Pelanggan boleh e-mel kepada Dealer Berlesen untuk sebarang pertanyaan berkaitan dengan STP atau Penempatan Deposit di alamat e-mel HLBBGlobalMarketsBalancesheetManagement@hlbb.hongleong.com.my.
- 2.7 STP tidak mempunyai sebarang yuran dan caj perbankan. Walau bagaimanapun, HLBB berhak membuat pindaan kepada terma yuran dan caj dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari.

### **3. Tempoh**

- 3.1 Tempoh penempatan STP adalah dari satu (1) hari hingga maksima tiga ratus enam puluh lima (365) hari sebagaimana yang dipilih oleh Pelanggan dan disetujui oleh Pasaran Global HLBB.
- 3.2 Penempatan Deposit hendaklah berkuat-kuasa pada tarikh penempatan dilakukan dengan semua syarat tertakluk pada Klausula 5.6 dibawah dipenuhi.
- 3.3 Sekiranya Tarikh Matang STP jatuh bukan pada Hari Perniagaan, Tarikh Matang akan dianjakkan ke Hari Perniagaan yang berikutnya dan faedah akan dikira dengan sewajarnya.

### **4. Had Masa Penempatan Deposit**

- 4.1 Pelanggan hendaklah menghubungi Pasaran Global HLBB sebelum 12.00 p.m. pada Hari Perniagaan sekiranya ingin membuat Penempatan Deposit.

### **5. Penempatan Deposit STP**

- 5.1 Amaun minima untuk Pelanggan bukan individu adalah Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000) untuk Penempatan dalam MYR atau Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000) untuk Penempatan mata wang asing.
- 5.2 Amaun minima Penempatan untuk Pelanggan Individu Perbankan Private dan Priority Hong Leong Bank yang Bernilai Bersih Tinggi adalah Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000). Amaun minima Penempatan untuk Pelanggan individu yang lain adalah Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000). Penempatan deposit dalam mata wang asing hanya untuk Pelanggan bukan individu.
- 5.3 Pasaran Global HLBB boleh menetapkan dan/atau meminda dari semasa ke semasa, amaun minima untuk Penempatan Deposit dengan notis bertulis awal kepada Pelanggannya.

- 5.4 Semua Penempatan STP hendaklah diurus, dirunding, dan disahkan oleh Dealer Berlesen sahaja.
- 5.5 Cara Penempatan Deposit hendaklah seperti yang ditetapkan oleh Pasaran Global HLBB dari semasa ke semasa, sama ada melalui kaunter, di cawangan-cawangan, melalui perbankan telefon atau cara elektronik yang mungkin akan disediakan oleh HLBB dari semasa ke semasa.
- 5.6 Penempatan Deposit hanya akan bermula atau berkuat kuasa dengan penerimaan dana oleh Pasaran Global HLBB:
- (i) Arahan bertulis untuk Penempatan Deposit dengan informasi STP iaitu amaun, tempoh dan kadar faedah dari Pelanggan atau wakil berkuasa Pelanggan yang sah; dan
  - (ii) Dana dari CASA Khusus atau dari akaun dengan institusi kewangan lain.
- 5.7 Pelanggan hendaklah memberi arahan bertulis kepada HLBB untuk setiap Penempatan Deposit dengan informasi amaun pokok, tempoh, kadar faedah dan arahan pembayaran dan sebarang maklumat lain yang berkaitan dengan Penempatan yang dilaksanakan.
- 5.8 Slip/penyata deposit yang memperincikan informasi Penempatan Deposit iaitu tempoh, tarikh matang, kadar faedah dan amaun akan dicetak dan dihantar kepada Pelanggan setelah selesai penempatan.
- 5.9 Pelanggan bertanggungjawab untuk memeriksa semua informasi dalam slip/penyata deposit dan segera melaporkan kepada Pasaran Global HLBB sekiranya terdapat sebarang ralat atau ketidaktepatan. Jika Pelanggan tidak membuat sebarang bantahan dalam tempoh tujuh (7) hari (atau tempoh lain yang ditetapkan oleh HLBB) selepas penerimaan slip/penyata deposit, Pelanggan dianggap telah menerima informasi yang terkandung dalam slip/penyata deposit sebagai sah dan betul dan melepaskan HLBB daripada semua tanggungan.
- 5.10 Pasaran Global HLBB berhak merekod semua perbualan telefon, saluran rasmi atas talian, e-mel dan arahan dan boleh menggunakan rakaman dan transkrip sebagai bukti sekiranya berlaku percanggahan.

## **6. Kadar Faedah/Pembayaran Faedah**

- 6.1 Kadar faedah STP boleh didapati dan disiarkan dalam laman web HLBB dan boleh didapati di laman web Pasaran Global HLBB.
- 6.2 Kadar faedah STP boleh dirunding sepenuhnya antara Pelanggan dan HLBB bergantung pada amaun Penempatan, tempoh, keadaan pasaran semasa, kondisi kecairan pasaran, ramalan kadar faedah dan sebarang fakta lain yang berkaitan.
- 6.3 Kadar faedah yang dipersetujui hanya akan dijamin sekiranya STP tersebut dipegang sehingga tamat tempoh matang.
- 6.4 Pengiraan faedah berdasarkan jumlah bilangan hari dalam tempoh STP, berkuat kuasa dari tarikh Penempatan STP dilaksanakan tetapi tidak termasuk tarikh matang.

6.5 Pengiraan faedah untuk MYR STP berdasarkan formula berikut:

$(\text{Amaun Pokok} \times \text{Kadar Faedah} (\%) \times \text{Bilangan Hari})/365$

6.6 Pengiraan faedah untuk STP dalam mata wang asing akan mengikut pengiraan 365 days or 360 days (bergantung kepada konvensyen pengiraan bilangan hari mata wang asing tersebut) dan akan mengikut cara pengiraan berikut:

$(\text{Amaun Pokok} \times \text{Kadar Faedah} (\%) \times \text{Bilangan Hari})/365$ ; atau  
 $(\text{Amaun Pokok} \times \text{Kadar Faedah} (\%) \times \text{Bilangan Hari})/360$

## **7. Pengeluaran STP**

7.1 Faedah dan amaun pokok STP akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA Khusus atau akaun dengan institusi lain (untuk pelanggan bukan cawangan) pada hari matang penempatan.

7.2 Pengeluaran sebelum tarikh matang hendaklah dalam amaun penuh (iaitu amaun pokok) dan dengan mengemukakan permintaan secara bertulis kepada HLBB untuk permintaan tersebut dilaksanakan. Pengeluaran separa STP tidak akan dibenarkan.

7.3 Jika Pelanggan mengeluarkan deposit sebelum tarikh matang, bermakna Pelanggan bersetuju untuk mengetepikan haknya untuk menuntut sebarang keuntungan/ faedah dari deposit tersebut.

## **8. Pelanjutan Tempoh Penempatan**

8.1 Surat arahan dan pengesahan daripada Pelanggan mesti dihantar dan diterima oleh HLBB sebelum had masa penempatan deposit atau sebelum tarikh matang jika Pelanggan hendak melanjutkan tempoh STP tersebut. Jika HLBB tidak menerima arahan daripada Pelanggan, STP tersebut akan tamat pada tarikh matang yang dipersetujui.

## **9. Pertukaran Butiran Pelanggan**

9.1 Pelanggan hendaklah memastikan bahawa butir-butir mereka seperti alamat, nombor telefon, e-mel, wakil yang diberi kuasa oleh Pelanggan dan tandatangan Pelanggan yang diberi kepada HLBB adalah tepat dan sentiasa dikemaskini pada setiap masa. Pelanggan dikehendaki memberitahu HLBB secara bertulis dengan segera sekiranya terdapat perubahan pada maklumat penting dan maklumat lain berkenaan dengan butiran Penempatan Deposit.

9.2 Sekiranya Pelanggan tidak memberi notis kepada HLBB berkenaan dengan penukaran butiran Pelanggan, maka rekod yang sedia ada dengan HLBB akan digunakan.

9.3 Pelanggan bersetuju dan membenarkan HLBB menjalankan semakan kredit dan pengesahan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan atau perkhidmatan dengan

mana-mana biro atau perbadanan kredit yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan memberi maklumat kredit atau maklumat lain. Selaras dengan itu, Pelanggan membenarkan Central Credit Reference Information System (CCRIS), Financial Information Services Sdn. Bhd.(FIS), Credit Tip-Off Service (CTOS) atau mana-mana biro atau perbadanan kredit lain untuk mendedahkan maklumat dan/atau data yang berkaitan dengan Pelanggan sebagaimana dan dari semasa ke semasa yang diperlukan oleh HLBB untuk tujuan Penempatan Deposit.

#### **10. Dasar Antirasuah dan Antisogokan HLBB (Dasar ABC)**

- 10.1 Pelanggan membuat aku janji bahawa HLBB mengamalkan sikap sifar toleransi terhadap sebarang bentuk penyogokan and rasuah selari dengan Dasar ABC.
- 10.2 Pelanggan dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa: (i) Pelanggan telah membaca dan memahami “Dasar ABC”; (ii) Pelanggan akan memastikan bahawa pengarah, pegawai, pekerja dan wakil-wakil sah atau ejen-ejennya, patuh kepada Dasar Antirasuah dan Antisogokan; dan (iii) memberitahu HLBB sebarang ketidakpatuhan atau percubaan ketidakpatuhan dengan Dasar Antirasuah dan Antisogokan oleh mana-mana pekerja HLBB atau pihak yang berkait dengan HLBB dengan melaporkan hal sedemikian selaras dengan **Dasar Pemberian Maklumat HLBB**.

#### **11. Perwakilan dan Waranti Pemprosesan Maklumat Peribadi (untuk Pelanggan bukan individu)**

- 11.1 Pelanggan memberi representasi dan waranti bahawa Pelanggan telah memperolehi persetujuan dari semua pihak yang dinamakan di dalam borang Penempatan Deposit STP yang telah diserahkan kepada Pasaran Global HLBB dan/atau wakil rasmi termasuk direktor, pemegang saham, penandatangani yang diberi kuasa atau pihak lain yang ditetapi oleh HLBB (“*Relevant Data Subjects*”) untuk mengumpul, memproses, menyimpan dan mengekalkan data peribadi Pelanggan menurut kepada Notis Peribadi HLBB yang akan dipinda dari semasa ke semasa.

#### **12. Keizinan Memproses Maklumat Peribadi (untuk Pelanggan individu)**

- 12.1 Dengan in Pelanggan bersetuju dan memberi izin untuk memegang, mengumpul dan menggunakan segala data peribadi yang dibekalkan kepada HLBB atau diperolehi HLBB daripada domain awam, serta juga data peribadi yang timbul daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pelanggan bersabit dengan Akaun, selaras dengan Notis Privasi HLBB yang dipinda dari semasa ke semasa.

#### **13. Notis dari HLBB**

- 13.1 Sebarang notifikasi dari HLBB kepada Pelanggan boleh diberi dengan cara berikut:
- (i) Surat-menyurat yang dihantar dengan pos biasa atau pos berdaftar atau kurier atau dengan tangan atau kepada rekod alamat Pelanggan terakhir dengan HLBB dan Pelanggan akan dianggap telah menerima surat tersebut dalam masa tiga (3)

hari perniagaan dari tarikh pos jika di hantar dengan pos biasa atau pos berdaftar dan dalam masa dua (2) hari perniagaan jika dihantar dengan kurier atau dengan pengakuan selepas penerimaan: atau

- (ii) Dengan memberi notis umum di salah satu suratkhbar atau dipaparkan di premis cawangan HLBB atau dipaperkan di skrin visual computer atau dipamerkan di terminal visual atau melalui laman HLBB “www.hlb.com.my”, dan notis akan berkuatkuasa pada hari notis dihantar atau berkuatkuasa dari hari notis disediakan atau berkuatkuasa dari hari notis dipaparkan.

13.2 Sebarang pemindaan pada Terma dan Syarat ini akan dikomunikasikan kepada Pelanggan seperti dinyatakan di Klausu 13.1 di atas sebelum pemindaan dilakukan.

#### **14. Pendedahan**

14.1 Di samping pendedahan dibenarkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Pelanggan membenarkan kuasa dan keizinan kepada HLBB, para pegawai dan pekerjanya untuk mendedahkan dan membekalkan segala maklumat berkenaan dengan STP, Terma dan Syarat ini, akaun Pelanggan masa ini dan akaun masa akan datang Pelanggan dan sebarang perkara lain berkaitan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada :

- (i) Intitusi kewangan lain memberi atau bercadang memberi sebarang kemudahan kredit untuk Pelanggan, Biro Kredit Pusat atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkenaan yang dibenarkan undang-undang untuk memperolehi maklumat tersebut atau agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi lain yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank di Malaysia;
- (ii) Mana-mana perbadanan masa kini atau masa akan datang yang bersekutu atau berkait dengan HLBB (seperti ditakrif dalam Akta Syarikat 2016), termasuk pejabat wakil dan pejabat kewangan and wakil mereka masing-masing serta subsidiari-subsidiari HLBB;
- (iii) Pihak-pihak cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang menyediakan cagaran akaun;
- (iv) Juruaudit HLBB's, peguam cara dan/atau ejen bersabit dengan pemerolehan kembali wang terhutang dan kena dibayar di bawah ini; dan
- (v) Penasihat professional HLBB, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktors atau penyedia perkhidmatan, pihak ketiga yang terlibat dalam penyediaan produk dan servis kepada atau/oleh HLBB dan syarikat-syarikat berkaitan atau sekutunya.

14.2 Dengan ini Pelanggan memberi keizinan bagi pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa HLBB/HLISB, para pegawai dan pekerjanya akan menanggung liabiliti kerana membekalkan maklumat tersebut atau kerana akibat berpegang kepada maklumat yang dibekalkan itu menurut Terma dan Syarat ini.



Ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

Dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.

Untuk maklumat lebih, sila merujuk kepada risalah maklumat PIDM yang terdapat di laman HLBB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau laman PIDM di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)





**PENGAKUAN PENERIMAAN TERMA DAN SYARAT****(Untuk Pelanggan Bukan Individu)**

Saya/kita dengan ini mengesahkan dan mengakui bahawa:

1. Saya/kita telah menerima salinan Terma dan Syarat STP dan telah membaca dan memahami kandungannya dengan sepenuhnya.
2. Pegawai HLBB telah menjelaskan kepada saya/kita bahawa Deposit Jangka Pendek (STP) ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit dan telah memberikan saya/kita dengan hyperlink laman PIDM dan laman HLBB dimana borang elektronik risalah DIS dipamerkan.

Untuk dan bagi pihak:

*[masukkan nama Pelanggan]*

.....

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Untuk dan bagi pihak:

*[masukkan nama Pelanggan]*

.....

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

**PENGAKUAN PENERIMAAN TERMA DAN SYARAT****(Untuk Pelanggan Individu)**

Saya/kita dengan ini mengesahkan dan mengakui bahawa:

1. Saya/kita telah menerima salinan Terma dan Syarat STP dan telah membaca dan memahami kandungannya dengan sepenuhnya.
2. Pegawai HLBB telah menjelaskan kepada saya/kita bahawa Deposit Jangka Pendek (STP) ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit dan telah memberikan saya/kita dengan hyperlink laman PIDM dan laman HLBB dimana borang elektronik risalah DIS dipamerkan.

*[masukkan nama Pelanggan]*

.....  
Nama:

Tarikh: